

**GP**  
019/2020

# **GARIS PANDUAN PERANCANGAN LANDSKAP BAGI KAWASAN BANGUNAN KERAJAAN**

  
  
Disediakan Oleh :  
**BAHAGIAN LANDSKAP**  
**JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH NEGERI SABAH**  
**KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SABAH**

© Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang atau mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh;  
Bahagian Lanskap

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah,  
Tingkat 3,4 dan 5, Wisma Tun Fuad Stephens,  
KM.2.4, Jalan Tuaran,  
88646 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.

**KATA-KATA ALUAN**

Pengarah

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah  
**(Pn. BERNADETTE C. EDMUND)****Salam Sejahtera,**

GPPPLKP diterbitkan tujuan sebagai sumber rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan landskap khususnya bagi kawasan perumahan. Garis panduan ini merujuk kepada perancangan dan pembangunan landskap yang menekankan ilmu perancangan, reka bentuk serta pembinaan yang memberi keutamaan terhadap pengekalan keseimbangan antara alam sekitar, manusia dan pembangunan. GPPPLKP ini merangkumi panduan perancangan, pelaksanaan serta pengurusan landskap bagi mencapai matlamat Dasar Landskap Negeri Sabah iaitu menjadikan “Negeri Sabah Negeri Terindah menjelang tahun 2033”.

Pembangunan bandar-bandar baru dengan konsep perancangan menyeluruh telah memberi kesedaran terhadap kualiti bandar-bandar sedia ada. Persaingan dalam membentuk identiti dan menonjolkan imej bandarnya merupakan satu perubahan yang sihat. Penanaman pokok-pokok teduhan di dalam bandar mampu mengurangkan jejak karbon bandar. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan agar GPPPLKP dapat diaplikasi dengan sewajarnya di seluruh Negeri Sabah demi membangunkan kawasan perumahan melalui perancangan landskap yang berkesan.

Sekian.

**ISI KANDUNGAN****Muka Surat**

<b>1.0 PENGENALAN</b>	
1.1 Tujuan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Jenis-Jenis Bangunan Kerajaan	1
<b>2.0 PRINSIP PERANCANGAN</b>	2
<b>3.0 GARIS PANDUAN UMUM</b>	
3.1 Aksesibiliti	3
3.2 Kemudahan Awam	3
3.3 Komponen Lanskap	4
<b>4.0 GARIS PANDUAN KHUSUS</b>	
4.1 Bangunan Servis Kerajaan	9
4.2 Pejabat Kerajaan	10
4.3 Balai Polis	11
4.4 Balai Bomba	13
<b>GLOSARI</b>	17
<b>RUJUKAN</b>	18
<b>PENGHARGAAN</b>	19

**1.0 PENGENALAN**

Gambar 1 : Perkarangan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN) diindahkan dengan penanaman variasi landskap lembut.

Sumber : JPBW

**1.1 Tujuan**

Garis panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam proses perancangan kemudahan-kemudahan lain yang perlu disediakan bagi pembangunan landskap bagi kawasan bangunan kerajaan.

**1.2 Latar belakang**

Secara umumnya kemudahan bangunan kerajaan memainkan peranan dalam pembentukan imej bandar dan memberi impak terhadap peningkatan kualiti alam persekitaran. Pembangunan pesat pada masa ini perlu diseimbangkan dengan penggunaan elemen landskap lembut dalam perancangan pembangunan yang dapat membantu menangani isu-isu alam sekitar.

Untuk menghasilkan reka bentuk landskap yang berkesan, terbaik dan berkualiti, aspek perancangan landskap kejur dan kesesuaian kawasan persekitaran perlu diambil kira agar saling berharmoni dan seimbang. Ini adalah untuk memastikan perancangan landskap yang berkualiti dapat dihasilkan.

**1.3 Jenis-jenis bangunan kerajaan**

- a. Bangunan servis kerajaan
- b. Pejabat kerajaan
- c. Balai polis
- d. Balai bomba

**2.0 PRINSIP PERANCANGAN****2.1 Prinsip Perancangan Bagi Kawasan Bangunan Kerajaan****a. Efisien**

Kawasan kemudahan kawasan bangunan kerajaan hendaklah memenuhi kehendak pengguna, mudah diakses dan mengaplikasikan reka bentuk sejagat.

**b. Komprehensif**

Mengintegrasikan kawasan lapang atau taman poket lengkap dengan elemen-elemen sokongan di persekitaran kawasan tempat kerja untuk mewujudkan pembangunan landskap yang menarik dan menampilkan identiti landskap bandar yang komprehensif.

**c. Program Penghijauan**

Mempromosikan persekitaran mampan dalam perancangan reka bentuk landskap dengan mewujudkan *green linkages* diantara bangunan sekaligus meningkatkan tahap pandangan visual.

**d. Mesra Alam**

Mengaplikasikan inisiatif mesra alam yang praktikal bagi mempertingkatkan imej reka bentuk sesebuah kawasan contohnya mengalakkan reka bentuk landskap yang bersesuaian dengan cuaca, ekosistem dan identiti bangunan.

### **3.0 GARIS PANDUAN UMUM**

Berikut merupakan faktor yang perlu diambil kira dalam perancangan pembangunan lanskap bagi kawasan bangunan kerajaan.

#### **3.1 Aksesibiliti**

- a) Menyediakan laluan pejalan kaki bagi menghubungkan semua kawasan dan boleh diakses melalui pengguna berjalan kaki sebagai suatu aspek perancangan pembangunan yang lebih komprehensif.
- b) Kawasan pintu masuk utama perlu dilengkapi dengan kemudahan papan tanda maklumat bagi memudahkan pengunjung.
- c) Jalan akses terutamanya laluan pejalan kaki perlu mempunyai teduhan sama ada melalui pembinaan berstruktur atau penanaman pokok teduhan.
- d) Penggunaan bahan turapan yang bersesuaian bagi memudahkan pergerakan OKU. Ruang khas / laluan *ramp* bagi tempat letak kenderaan perlu disediakan di kawasan rekreasi untuk kemudahan golongan OKU.
- e) Penyediaan papan tanda dilokasi yang strategik dan jelas bagi memudahkan pengguna mengenal pasti lokasi kawasan.

#### **3.2 Kemudahan Awam**

##### **3.2.1 Tempat Letak Kenderaan**

- a) Reka bentuk susun atur T.l.k hendaklah mengambil kira laluan keluar-masuk kenderaan.
- b) Menyediakan kemudahan ruang T.l.k untuk OKU dan dilengkapi dengan laluan pejalan kaki ke kawasan bangunan.
- c) Reka bentuk t.l.k perlu selamat, mudah sampai dan menggunakan bahan turapan yang tidak licin.
- d) Kawasan t.l.k perlu ditempatkan pada lokasi strategik boleh dilihat secara terus dan tiada halangan pandangan (*natural surveillance*) bagi mengelakkan unsur-unsur jenayah berlaku.
- e) Setiap tiga (3) lot tempat letak kereta perlu menyediakan satu (1) pokok teduhan.
- f) Penyediaan kemudahan pencahayaan yang mencukupi dan papan tanda arah yang jelas untuk kemudahan pengunjung.
- g) Tempat letak trak, jentera dan akses penyelenggaraan juga perlu disediakan.

##### **3.2.2 Kuarters Perumahan**

- a) Sekiranya kuarters perumahan disediakan, penyediaan komponen rekreasi perlu disediakan berdasarkan keperluan unit rumah yang disediakan.

- b) Bangunan kediaman pekerja hendaklah mempunyai kesinambungan laluan yang menghubungkan ke tempat kerja dan diindahkan melalui jaringan hijau untuk keselesaan pengguna.
- c) Mewujudkan suasana kejiranan yang indah dan selesa melalui penanaman pokok teduhan, palma dan renek.

### **3.2.3 Kawasan Lapang**

- a) Mewujudkan pembangunan yang seimbang melalui mengintegrasikan landskap lembut dan landskap kejur bagi mencapai pembangunan landskap yang berkualiti dan mampan.
- b) Kawasan lapang secara menyeluruh untuk kawasan pembangunan perlu disediakan mengikut keperluan untuk tujuan penanaman landskap serta pengguna untuk beriadah.
- c) Kemudahan rekreasi perlu dilengkapi dengan komponen landskap lembut, kejur dan komponen sokongan mengikut keperluan sesuatu kawasan.
- d) Reka bentuk di kawasan lapang dan rekreasi mengambil kira bahan binaan yang tahan lasak, pengunaan warna dan imej yang bersesuaian.
- e) Mengalakkan penyediaan taman poket sebagai salah satu alternatif menghijaukan kawasan kemudahan awam dan memberikan suasana persekitaran yang lebih kondusif.

### **3.3 Komponen Lanskap**




Gambar 2 : Kawasan lanskap perlu dirancang dan direka bentuk menepati susun atur keseluruhan pembangunan  
Sumber :JPBW

### 3.3.1 Komponen Lanskap Kejur

- a) Komponen lanskap kejur yang sesuai bagi kawasan bangunan kerajaan ialah seperti yang berikut :
  - Berupaya mewujudkan tanda selamat datang melalui penggunaan pintu masuk, vista yang berturutan, papan tanda untuk kemudahan pengunjung, arca, kawasan berturap dan pintu gerbang.
  - Reka bentuk yang mengambil kira fungsi, penggunaan warna dan bahan binaan yang tahan lama.
  - Mempamerkan identiti tersendiri yang disepakukan dengan papan tanda jalan dan kawasan persekitaran secara keseluruhannya.
- b) Mewujudkan identiti tersendiri dengan mewujudkan nilai estetik melalui penggunaan elemen lanskap, bahan binaan, warna dan perabot jalan.
- c) Mempunyai pencahayaan yang mencukupi pada sekitar kawasan.

**Jadual 1: Komponen Lanskap Kejur**



### 3.3.2 Komponen Lanskap Lembut

- a) Pemilihan tanaman spesis natif tempatan adalah digalakkan.
- b) Perabot lanskap jalan yang menarik dan mesra pengguna.
- c) Mengalakkan jenis pokok berakar tunjang agar tidak merosakkan struktur bangunan.
- d) Lokasi penanaman pokok hendaklah bersesuaian dan tidak menghalang pandangan visual (fasad bangunan) bagi kawasan balai polis, balai bomba dan kem tentera.
- e) Mewujudkan reka bentuk formal melalui tanaman pelbagai pada keseluruhan kawasan dengan penggunaan pokok palma, renek dan penutup bumi.

**Garis Panduan Perancangan Lanskap bagi Kawasan Bangunan Kerajaan Sabah**

- f) Pemilihan tanaman hendaklah mengambil kira penjagaan yang minimum dan mudah diselenggara.
- g) Kriteria pemilihan tanaman bagi setiap kawasan adalah seperti berikut:
- Kawasan pintu masuk utama**
    - Tanaman jenis berbunga dan kepelbagaiannya dalam komposisi tanaman dan rupa bentuk tanaman yang dapat menonjolkan identiti kawasan adalah disyorkan.
    - Jenis tanaman yang dicadangkan juga perlu mengambil kira keseimbangan dan skala bangunan.



Gambar 3 : Kawasan laluan pintu masuk yang dilandskapskan untuk memperkenalkan identiti.

Sumber : Internet



Gambar 4 : Kawasan pintu utama dilengkapi dengan gerbang dan papan tanda dikawasan industri.

Sumber : <https://www.ipark.com>

ii. **Kawasan sekitar bangunan dan laluan pejalan kaki**

- Pokok utama yang dapat memberikan teduhan dan pelbagai jenis pokok renek berbunga.



Gambar 5 : Ruang penanaman pada perimeter bangunan untuk mewujudkan kesan estetik yang tinggi pada kawasan.

Sumber : <https://www.ipark.com>



Gambar 6: Kawasan lapang yang berfungsi sebagai kawasan riadah kepada pekerja dilengkapskan dengan landskap lembut dan landskap kejur.

Sumber : <https://www.ipark.com>

iii. **Kawasan sekitar bangunan yang menghadap jalan raya**

- Disyorkan tanaman dari spesis yang sama untuk menghasilkan kesan keseragaman dan penunjuk arah.
- Pemilihan tanaman hendaklah tidak menghalang visual anggota keselamatan yang bertugas.



Gambar 7 : Penghijauan pada sepanjang jalan menyeimbangkan pembangunan fizikal kawasan industri.

Sumber : Internet

- h) Pemilihan tanaman hendaklah memerlukan penyelenggaraan yang sederhana, tidak mudah patah dan rapuh, tidak mempunyai daun yang terlalu rimbun dan elakkan memilih tanaman yang boleh merosakkan struktur.
- i) Penggunaan *root barrier* adalah digalakkkan pada kawasan yang berdekatan dengan struktur.
- j) Jarak tanaman adalah bergantung kepada fungsi atau kesan yang diperlukan daripada penanaman tersebut. Jika tanaman adalah bertujuan sebagai pengadang pemandangan, tanaman perlu ditanam secara rapat.

### 3.3.3 Cadangan Tanaman Bagi Kawasan Bangunan Kerajaan

*Schizolobium parahyba**Mimusop elengi**Tabebuia pallida**Jacaranda**Bauhinia purpurea**Tecoma stans**Bucida molinetii**Hyophorbe lagenicaulis**Livistona chinensis**Veitchia merrillii**Phoenix sylvestris**Bougainvillea**Costus woodsonii**Brunfelsia calycina**Alpinia purpurata**Murraya paniculata**Jasminum sambac**Hymenocallis littoralis*


Gambar 8: Cadangan tanaman di kawasan bangunan kerajaan

Sumber : 1001 Garden Plants In Singapore

## 4.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

Bahagian ini menekankan reka bentuk lanskap bagi kawasan bangunan kerajaan iaitu bangunan servis kerajaan, pejabat kerajaan, balai polis, balai bomba dan kem tentera.

### 4.1 BANGUNAN SERVIS KERAJAAN



Gambar 9 : Contoh pelan bagi bangunan servis kerajaan.

Sumber : JPBW

#### 4.1.1 Susun Atur dan Reka Bentuk

- Menyediakan laluan protokol untuk laluan akses kenderaan yang diindahkan dengan penggunaan lanskap lembut dan membentuk suasana formal dan seragam.
- Laluan pejalan kaki hendaklah berkesinambungan dan mempunyai reka bentuk yang harmoni melalui penanaman pokok yang memberikan kesan teduhan dan juga penghijauan kawasan.
- T.l.k hendaklah diletakkan secara berpusat agar tidak menyebabkan kesesakan jalan raya.
- Lokasi kawasan lapang yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dengan mengambil kira kedudukan dan kemudahsampaian, serta menyediakan kemudahan sokongan yang bersesuaian dan mengikut keperluan.

- e) Reka bentuk landskap hendaklah mengambil kira kriteria pemeliharaan alam sekitar dan kawasan sensitif alam sekitar.
- f) Mewujudkan jaringan hijau bagi menghubungkan kawasan lapang dan pembangunan sekitar.
- g) Pemilihan tanaman hendaklah mengambil kira jarak penanaman, tumbesaran pokok dan kesesuaian lokasi.

#### **4.1.2 Komponen Lanskap Kejur**

Komponen landskap yang sesuai bagi kawasan bangunan servis kerajaan ialah seperti yang berikut:

- a) Pemilihan bahan landskap kejur hendaklah tahan lasak, kos penyelenggaraan rendah serta menyediakan papan informasi dan peta jalan bersesuaian.
- b) Menyediakan taman poket sebagai ruang menunggu di kawasan luar bangunan bagi kemudahan staf dan pengunjung yang datang.
- c) Reka bentuk setiap elemen yang disediakan perlu berkesinambungan melalui penyediaan rangkaian laluan pejalan kaki.
- d) Berikut merupakan kemudahan yang perlu disediakan:
  - Tempat duduk;
  - Kawasan tapak berkumpul;
  - Lampu taman;
  - Tong sampah;
  - Papan tanda (termasuk papan tanda arah, maklumat kawasan);
  - *Bollard*; dan
  - *Water fountains*.



## 4.2 PEJABAT KERAJAAN



Gambar 10: Contoh pelan bagi bangunan servis kerajaan.

Sumber : JPBW

### 4.2.1 Susun Atur dan Reka Bentuk

- a) Lokasi kawasan lapang yang dicadangkan hendaklah bersesuaian serta mengambil kira kedudukan dan kemudahsampaian, serta menyediakan kemudahan sokongan yang bersesuaian dan mengikut keperluan.
- b) Reka bentuk landskap hendaklah mengambil kira kriteria pemeliharaan alam sekitar dan kawasan sensitif alam sekitar.
- c) Mewujudkan jaringan hijau di sekitar bangunan seperti plaza dan taman poket bagi menggalakkan program penghijauan selain menjadi ruang alternatif kepada staf dan pengunjung untuk berinteraksi.
- d) Pemilihan tanaman hendaklah bersesuaian dan mengambil kira aspek-aspek tumbesaran tanaman, saiz silara dan penyelenggaraan.
- e) Pemilihan pokok yang mempunyai silara sederhana/besar bagi mewujudkan kesan teduhan maksimum disekitar kawasan bangunan.

### 4.2.2 Komponen Lanskap Kejur

Komponen landskap yang sesuai bagi kawasan pejabat kerajaan ialah seperti yang berikut:

- a) Pemilihan bahan landskap kejur hendaklah tahan lasak, kos penyelenggaraan rendah serta menyediakan papan tanda jalan bersesuaian.
- b) Reka bentuk setiap elemen yang disediakan perlu berkesinambungan melalui penyediaan rangkaian laluan pejalan kaki.

## Garis Panduan Perancangan Lanskap bagi Kawasan Bangunan Kerajaan Sabah

c) Berikut merupakan kemudahan yang perlu disediakan:

- Tempat duduk;
- Kawasan tapak berkumpul;
- Lampu taman;
- Tong sampah;
- Papan tanda (termasuk papan tanda arah, maklumat kawasan);
- *Bollard*; dan
- *Water fountains*.

#### 4.3 BALAI POLIS

Reka bentuk seni bina lanskap bagi kawasan kemudahan balai polis dibahagikan mengikut hierarki yang berikut :



Gambar 11 : Contoh pelan bagi kawasan kemudahan balai polis.

Sumber : JPBW

### **4.3.1 Ibu Pejabat Kontinjen dan Ibu Pejabat Daerah**

#### **A) Susun Atur dan Reka Bentuk**

- a) Lokasi kawasan lapang perlu berada dilokasi yang strategik dan mampu untuk diakses oleh staf dan penghuni kuarters perumahan.
- b) Laluan pintu masuk utama hendaklah menggunakan reka bentuk seni bina lanskap yang dapat mewujudkan '*sense of welcoming*' kepada pelawat. Ia juga boleh menjadi mercu tanda di kawasan tersebut.
- c) Laluan protokol diindahkan dengan penanaman pokok yang bersesuaian dan mempunyai pencahayaan yang mencukupi.
- d) Reka bentuk dan susun atur kemudahan polis perlu mengambil kira keselamatan, kemudahsampaian, keselesaan serta melambangkan ciri budaya tempatan dan identiti bangunan tersebut.
- e) Menyediakan laman dalam di antara bangunan bagi mengindahkan sekitar kawasan dan memberikan ruang interaksi/rehat kepada pengunjung dan pekerja serta mengalakkan program penghijauan.
- f) Pemilihan tanaman hendaklah bersesuaian dan tidak menghalang pandangan visual serta fasad bangunan. Tanaman renek berwarna adalah digalakkan untuk menambah kesan estetik kawasan.
- g) Sekiranya kawasan kuarters perumahan disediakan, kawasan sekitar perlu mempunyai ciri-ciri kejiranan perumahan yang selesa dan lengkap dengan kemudahan alat permainan utama dan kemudahan sokongan rekreasi.

#### **B) Komponen Lanskap Kejur**

- a) Pemilihan bahan lanskap kejur hendaklah tahan lasak, kos penyelenggaraan rendah serta menyediakan papan tanda jalan beserta pelan lokasi yang bersesuaian.
- b) Reka bentuk setiap elemen yang disediakan perlu berkesinambungan melalui penyediaan rangkaian laluan pejalan kaki.
- c) Berikut merupakan kemudahan yang perlu disediakan dalam pembangunan kemudahan balai polis :
  - Dewan serbaguna;
  - Tapak Perhimpunan / Padang kawad;
  - Menara tinjau;
  - Kantin / kafe;
  - Surau;
  - Papan tanda nama dan alamat;
  - Ruang penanaman pokok; dan
  - Kemudahan komponen utama (sekiranya kuarters disediakan).

### **4.3.2 Ibu Pejabat Polis Bandar dan Pondok Polis**

#### **A) Susun Atur dan Reka Bentuk**

- Pintu masuk utama dan pondok pegawai disediakan dengan mewujudkan reka bentuk seni bina landskap yang bersesuaian dengan konsep formaliti dan melambangkan identiti pejabat polis serta mewujudkan ‘sense of welcoming’ kepada pelawat.
- Mewujudkan taman mini yang terletak di antara bangunan seba gai kawasan berehat dan tempat berkumpul.
- Menyediakan jaringan hijau yang menghubungkan kemudahan atau bangunan disekitarnya.
- Memilih tanaman yang tidak mempunyai akar merayap supaya tidak merosakkan struktur bangunan serta mengelakkan daripada menanam pokok jenis berduri, beracun dan mudah patah.

#### **B) Komponen Lanskap Kejur**

- Pemilihan bahan landskap kejur hendaklah tahan lasak, kos penyelenggaraan rendah serta menyediakan papan tanda jalan bersesuaian dengan imej bangunan sekitar.
- Reka bentuk setiap elemen yang disediakan perlu berkesinambungan melalui penyediaan rangkaian laluan pejalan kaki.
- Berikut merupakan kemudahan yang perlu disediakan dalam pembangunan kemudahan balai polis :
  - Dewan serbaguna;
  - Tapak Perhimpunan / Padang kawad;
  - Lapang sasar;
  - Menara tinjau;
  - Kantin / kafe;
  - Surau
  - Papan tanda nama dan alamat; dan
  - Ruang penanaman pokok.



Gambar 12 : Komponen rekreatif yang tahan lasak dan bersesuaian.

Sumber : <https://www.ipark.com>



Gambar 13 : Komponen rekreatif dewasa yang memenuhi keperluan pengguna.

Sumber : <https://www.ipark.com>

## 4.4 BALAI BOMBA

### 4.4.1 Susun Atur dan Reka Bentuk

- a) Susun atur kemudahan di balai bomba perlu mengutamakan keselamatan dan menunjukkan akses jalan yang jelas.
- b) Lokasi kawasan tanah lapang yang dicadangkan hendaklah diletakkan dikawasan yang strategik dan tidak mengganggu laluan akses dan operasi perkhidmatan.
- c) Penyediaan kemudahan sokongan seperti ruang menunggu, taman poket, kafeteria dan kemudahan lain untuk kakitangan dan pengunjung.
- d) Pemilihan tanaman hendaklah bersesuaian, tidak menghalang laluan akses terutamanya jentera bomba, tidak menutup fasad bangunan dan mampu memberikan kesan teduhan.
- e) Sekiranya kuarters perumahan disediakan, ia hendaklah bercirikan penempatan yang mengutamakan keindahan dan keselesaan.
- f) Kemudahan kuarters perumahan perlu menyediakan kemudahan alat permainan utama dan kemudahan sokongan rekreasi berdasarkan keperluan unit rumah.
- g) Jaringan hijau diwujudkan bagi menghubungkan kawasan balai dengan kemudahan sokongan yang disediakan pada sekitar kawasan.
- h) Pemilihan tanaman juga perlu bersesuaian dan mengambil kira aspek teduhan, tumbesaran dan kekerapan penyelenggaraan.



Gambar 14: Contoh pelan bagi kawasan kemudahan balai bomba.

Sumber : JPBW

#### **4.4.2 Komponen Lanskap Kejur**

Komponen lanskap yang sesuai bagi kawasan balai bomba ialah seperti yang berikut:

- a) Pemilihan bahan lanskap kejur hendaklah tahan lasak, kos penyelenggaraan rendah serta bersesuaian dengan cuaca tempatan.
- b) Reka bentuk setiap elemen yang disediakan perlu berkesinambungan melalui penyediaan rangkaian laluan pejalan kaki.
- c) Berikut merupakan kemudahan yang perlu disediakan dalam pembangunan kemudahan balai bomba :
  - Dewan serbaguna;
  - Tapak Perhimpunan / Padang kawad;
  - Menara tinjau;
  - Kantin / kafe
  - Surau;
  - Papan tanda nama dan alamat;
  - Ruang penanaman pokok; dan
  - Tempat letak kereta/ Jentera bomba.



Gambar 15 : Komponen rekreatif yang tahan lasak dan bersesuaian dengan konsep industri.

Sumber : <https://www.ipark.com>



Gambar 16 : Komponen rekreatif dewasa yang memenuhi keperluan pengguna di kawasan perindustrian.

Sumber : <https://www.ipark.com>

**GLOSARI**

<b>Estetika</b>	Nilai-nilai kecantikan atau kesenian yang terkandung dalam reka bentuk.
<b>EPDM</b>	Etilena Propilena Diene Monomer , sejenis getah sintetik.
<b>Gazebo/Wakaf</b>	Struktur peneduh
<b>Institusi Kerajaan</b>	Termasuklah sekolah, institusi pendidikan, institusi latihan, hospital dan rumah ibadat yang dimiliki dan diuruskan oleh pihak kerajaan dan pihak berkanan.
<b>Industri</b>	Termasuklah bangunan bengkel, gudang, depo, kilang dan apa-apa bangunan yang di zon atas guna tanah industri.
<b>Kondusif</b>	dalam konteks yang diberikan bermakna keadaan yang selesa dari segi tempat, peralatan, dan ruang, serta suasana kerja yang tenang
<b>Kawasan Lapang</b>	Kawasan yang diperuntukkan untuk tujuan rekreasi aktiviti aktif dan pasif.
<b>Landscape Lembut (<i>Softscape</i>)</b>	Elemen yang terdiri daripada tumbu-tumbuhan yang digunakan dalam mereka bentuk landskap. Contohnya, pokok, palma, pokok renek, penutup bumi dan rumput.
<b>Landscape Kejur (<i>Hardscape</i>)</b>	Elemen landskap yang berstruktur seperti perabot yang digunakan dalam mereka bentuk seni bina landskap seperti wakaf, kerusi taman, tangga dan tiang lampu.
<b>O.K.U.</b>	Orang Kurang Upaya.
<b>Pergola</b>	Struktur separa peneduh
<b>Plaza</b>	Kawasan umum yang terletak di tengah-tengah antara bangunna dan menyediakan aktiviti untuk orang ramai
<b>PBT</b>	Pihak Berkuasa Tempatan.
<b>Pokok Teduhan</b>	Spesis pokok yang mencecah ketinggian keseluruhan melebihi 3 meter dengan bukaan silara melebihi 2.5 meter serta dedaun yang rimbun.
<b>Rekreasi</b>	Rekreasi merujuk kepada aktiviti atau tindakan membuat sesuatu untuk menyegarkan minda, badan dan semangat menerusi permainan, hiburan atau santai. Aktiviti rekreasi boleh bersama atau bersendirian ,aktif atau pasif , di luar atau dalam bangunan yang dilakukan untuk keseronokan hiburan atau bermain.
<b>Sirkulasi</b>	Sistem laluan
<b>Laluan pejalan kaki</b>	Merupakan penghubung antara kawasan aktiviti dan dibina lebarnya mencukupi dua orang berjalan seiring iaitu sekurang-kurangnya 1.2 meter lebar.
<b>Visual</b>	Berdasarkan penglihatan atau pemandangan

**Rujukan**

1. Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (2019)
2. Town and Country Planning Ordinance.*SABAH Cap 141.*(Amendment 2002).
3. Jabatan Landskap Negara (2008).*Garis Panduan Landskap Negara.* (Edisi 2). Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
4. Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020, Jilid 2.
5. Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Muda 2020. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (1995)
6. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2016). *Sabah Structure Plan 2033.* Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah.

**PENGHARGAAN****URUS SETIA****Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah**

Bahagian Landskap

Bahagian Kawalan Pembangunan

Bahagian Perancangan Fizikal

Bahagian Penyelidikan &amp; Korporat

Bahagian Zon Pengurusan Pesisir Pantai Bersepadu

Unit Pembangunan Sumber Manusia (Latihan &amp; Dasar)

Majlis Perancang Negeri (MPN)

**AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL****Kementerian**

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KKBS)

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS)

Kementerian pelancongan,Kebudayaan Malaysia (Motac)

**Pihak Berkuasa Tempatan**

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Majlis Perbandaran Sandakan

Majlis Perbandaran Tawau

Lembaga Bandaran Kudat

Majlis Daerah Penampang

Majlis Daerah Putatan

Majlis Daerah Papar

Majlis Daerah Beaufort

Majlis Daerah Kota Marudu

Majlis Daerah Pitas

Majlis Daerah Kota Belud

Majlis Daerah Tuaran

Majlis Daerah Lahad Datu

Majlis Daerah Kinabatangan

Majlis Daerah Tambunan

Majlis Daerah Ranau

Majlis Daerah Keningau

Majlis Daerah Kuala Penyu

Majlis Daerah Kunak

Majlis Daerah Sipitang

Majlis Daerah Tenom

Majlis Daerah Beluran

Majlis Daerah Nabawan

Majlis Daerah Semporna

Majlis Daerah Tongod

Majlis Daerah Telupid

**Agenzia Teknikal**

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah (PDRM)

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM)

Tentera Darat Malaysia (TDM)

Jabatan Tanah Ukar Negeri Sabah (JTU)

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Jabatan Kerja Raya (JKR)

Jabatan Air (JA)

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMGSBH)

**Badan Bukan Kerajaan**

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)



Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah  
Tingkat 10 & 11, Blok A, Wisma Tun Fuad Stephens, 88646 Kota Kinabalu, Sabah .  
Tel : 088-201 334 / 088-201 374 / 088-201 384  
Faks : 088-201 341

Alamat Perhubungan:

Bahagian Lanskap,

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah

Tel : 088-201 334 / 088-201 374 / 088-201 384

Faks : 088-201 341